

Siasatan dapati bakteria daripada najis di papan pemotong

BAKTERIA yang berasal daripada najis di papan pemotong merupakan salah satu kesilapan atau kekurangan yang ditemui di gerai rojak India di pasar sementara Geylang Serai.

Hasil siasatan itu didedahkan sewaktu siasatan koroner bagi menentukan punca kematian Cik Aminah Samijo, 57 tahun, dan Cik Norani Kassim, 59 tahun, yang makan rojak di gerai itu pada April tahun lalu.

Lebih 150 orang jatuh sakit akibat keracunan selepas makan rojak di gerai Sheikh Allaudin Mohideen, 70 tahun.

Pegawai kanan kesihatan awam, Encik Abdul Rahman Osman, daripada Kementerian Kesihatan (MOH), memberitahu mahkamah bahawa beliau dan seorang pegawai lagi telah memeriksa gerai itu pada 4 April tahun lalu selepas dimaklumkan mengenai kes keracunan makanan.

Encik Abdul Rahman berkata gerai itu "amat kotor dan berlianngan, tidak terurus" dengan sampah berselerakan, pinggan mangkuk yang tidak disusun dengan sempurna dan gerai itu juga penuh dengan lipas.

Setelah melihat sisa kuah rojak di dalam periuk, Encik Abdul Rahman bertanya adakah kuah itu "kuah semalam" yang dijual kepada pelanggan.

Anak Sheikh Allaudin, Encik Alauddin Mohamad Yasin, 30 tahun, mengaku itu kuah semalam tetapi Sheikh Allaudin menafikannya sewaktu memberi keterangan.

Sheikh Allaudin yang bercakap menerusi penterjemah menegaskan bahawa beliau mengamalkan kebersihan dan memastikan kesemua empat penolongnya (dua merupakan anaknya) juga menjaga kebersihan.

Sheikh Allaudin berkata gerainya dicuci setiap hari dengan air dan *chlorox* dan makanan serta kuah yang tidak terjual dibuang dan tidak dijual semula kepada pelanggan.

Kesemua pembantunya juga memakai sarung tangan apabila mengendalikan makanan, dan beliau mendakwa tidak pernah menerima aduan sebelum kejadian itu.

Ketika ditanya dan diminta penjelasan oleh Koroner Negara, Encik Victor Yeo, mengapa begitu ramai pelanggannya mengalami keracunan makanan, Sheikh Allaudin berkata:

"Saya tidak dapat jelaskan. Kami menyiapkan makanan seperti selalu."

Apabila Encik Yeo berkata gambar yang dikemukakan tidak



SHEIKH ALLAUDDIN MOHIDEEN:

Pemilik gerai rojak India yang menyebabkan 150 orang jatuh sakit akibat keracunan makanan pada April tahun lalu. - Foto THE STRAITS TIMES

menunjukkan gerai yang dibersihkan setiap hari, seorang lagi anak Sheikh Allaudin, Encik Alayuthen Maheen, 32 tahun, berkata seorang pegawai lain datang lebih awal dan memberitahu mereka supaya menutup gerai.

"Kami sedang membersihkan gerai apabila pegawai itu datang. Oleh kerana itu, kami tidak sempat membersihkan gerai itu sepeunuhnya," jelas Encik Alayuthen.

Kedua anak Sheikh Allaudin berkata mereka bertanggungjawab menyiapkan kuah rojak sebelum gerai itu dibuka pada 7 pagi.

Mereka berkata makanan yang belum dimasak disimpan di dalam peti sejuk dan makanan hanya dihidang selepas digoreng.

Penolong gerai, Encik Mohamed Abdul Jappar Mohamed Maideen, yang memotong bahan rojak, tidak boleh menjelaskan mengapa najis ditemui di papan pemotong.

"Apabila saya ke bilik air, saya gunakan sabun untuk mencuci tangan. Selepas itu, saya lap tangan sebelum memakai sarung tangan," ujarnya dalam bahasa Tamil.

Sementara itu, seorang anggota keluarga mangsa semalam mempersoal mengapa Sheikh Allaudin tidak mengunjungi mereka untuk memohon maaf.

"Mengapa dia tidak datang ke hospital dan masa pengebumian. Mengapa dia tidak meminta maaf?" tanya Cik Hamidah Yatin, 40 tahun, anak Allahyarhamha Norani.

Sheikh Allaudin berkata: "Saya takut dibelasah. Itulah sebabnya. Saya telah pun memohon maaf menerusi akhbar."

Siasatan koroner disambung hari ini.